

Melaka penanda aras kelestarian bandar paling unggul

BANDA HILIR - Melaka mencatatkan pencapaian cemerlang di peringkat nasional apabila berjaya meraih purata markah tertinggi MURNInets 2.0 dengan jumlah peratusan 94.31 pada tahun ini.

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Datuk TPr. Dr. Alias Rameli berkata, pencapaian itu menjadikan Melaka negeri dengan penanda aras kelestarian bandar yang paling unggul di Malaysia.

Katanya, pencapaian itu bukan sahaja menggambarkan keberkesanan perancangan spatial negeri tetapi turut membuktikan kekuatan ekosistem kolaboratif antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal, perancangan bandar dan komuniti.

"Ini adalah bukti bahawa usaha gigih semua pihak dalam memastikan pembangunan yang teratur, responsif dan mampan benar-benar membuahkan hasil serta diiktiraf di peringkat kebangsaan.

"Malah hasil dan bukti komitmen dapat dilihat apabila dua bandar di Melaka iaitu Bandaraya Melaka dan Bandar Jasin telah dinobatkan serta diiktiraf sebagai Bandar Paling Bahagia pada Sambutan Hari Ke-



TPR. DR. ALIAS

hagaan Sedunia Peringkat Kebangsaan pada Mac lalu selain difahamkan juga kesemua empat PBT telah berada dalam paras Bandar Mampan.

"Dengan tekad bersama juga Melaka berpotensi muncul sebagai model perancangan bandar yang progresif, inklusif dan berdaya saing bukan sahaja Ddi peringkat negara tetapi di persada serantau seterusnya global," katanya ketika berucap pada Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2025 Peringkat Negeri Melaka di perkarangan Muzeum Istana Kesultanan Melaka, 29 November lalu.

Majlis disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Azhar Arshad yang mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Menurut Dr. Alias, se-

laras dengan aspirasi pembangunan Melaka untuk memperkukuh Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ), sejumlah RM1.5 juta peruntukan disalurkan PLAN-Malaysia.

"Kerajaan Persekutuan melalui PLANMalaysia sentiasa menyokong usaha perancangan di Melaka justeru itu penyaluran peruntukan berjumlah RM1.5 juta bagi penyediaan kajian semula Rancangan Struktur Negeri Melaka 2040 di bawah Rolling Plan 1 (RP1) Tahun 2026, RMK13.

"Peruntukan ini bukan sekadar suntikan dana namun ia merupakan komitmen PLANMalaysia bagi memastikan Melaka terus mara sebagai sebuah negeri yang maju, berdaya huni dan mampan melalui Rancangan Struktur," katanya.